



# Kekasih dakwa ada teman lain

*Hubungan pasangan beberapa kali terlanjur dilanda keretakan*

## Soalan

**S**AYA berusia 23 tahun dan mempunyai teman lelaki. Kami sudah beberapa kali terlanjur. Walaupun dia lelaki pertama memiliki saya, dara saya sudah tiada ketika menjalin hubungan dengan seorang pengkid sebelum ini.

Teman lelaki mengetahui perkara itu dan tidak mempercayai dia lelaki pertama meniduri saya.

Saya terlalu sayang dan mempercayainya malah keluarga kami merestui perhubungan ini. Saya berubah menjadi perempuan lebih baik selepas mengenalinya.

Tapi, sejak kebelakangan ini, kami sering bergaduh kerana salah faham tambahan pula kami terpaksa berjualan kerana saya bekerja di bandar.

Teman lelaki memberitahu dia suka hidup bebas dan tidak mahu terikat. Dia mengaku tidak pernah melayan mana-mana perempuan sebelum ini.

Namun, akhir-akhir ini dia sering memberitahu mempunyai perempuan lain dan

membuatkan saya cemburu. Ini membawa kepada keretakan hubungan kami. Bagaimanapun, setiap kali perbalahan, saya yang mengalah.

Apa patut saya lakukan. Perlukah saya mempertahankan hubungan ini atau melepaskan dia pergi? Selain itu, masih adakah lelaki yang dapat menerima saya jika tiada jodoh antara kami dan adakah kesabaran saya berbaloi?

Saya berharap Dr dapat membantu membuat keputusan dan menghilangkan beban yang ditanggung ini.

ITA,  
Triang, Pahang

## Jawapan

**S**OAL jodoh adalah ketentuan Tuhan. Kita hanya merancang dan Tuhan menentukan. Jika tiada jodoh antara adik dengan teman lelaki, usahlah diratapi perpisahan dan kegagalan itu kerana hakikatnya jodoh bukan di tangan kita.

Kepercayaan adalah faktor penghalang kepada perhubu-

ngan adik dengan teman lelaki. Dia masih meragui keikhlasan adik terhadapnya.

Sikap prasangka, tidak bersedia untuk memberi komitmen dan suka membuatkan adik cemburu membuktikan dia belum bersedia dengan perhubungan yang lebih serius.

Dr tidak tahu sama ada itu semua alasannya untuk menjauhkan diri daripada adik. Namun, semua alasan itu bukanlah petunjuk yang baik untuk membuktikan dia serius mengambil adik sebagai teman hidup.

Pepatah ada mengatakan 'tidak usah sebut pasal cinta jika diri tidak sebenar-benarnya mengambil kisah. Tidak usah bercakap mengenai perasaan jika ia tidak berada di hatinya. Tidak usah menunjuk ke dada, jika sering melukakan pasanganmu'.

Sama ada adik perlu terus mempertahankan hubungan cinta ini atau melepaskan pergi, pilihan terletak di tangan adik. Bagaimanapun, Dr sarankan agar adik membuat

keputusan yang akan membahagikan dan mendatangkan lebih banyak kebajikan kepada diri sendiri.

Biarlah keputusan yang diambil itu akan membuatkan adik yakin orang yang pernah kecewa dalam percintaan atau pernah mengalami peristiwa pahit kehidupan akan tetap mempunyai masa depan.

Kecewa bercinta bukan bermakna dunia sudah berakhir. Masa depan yang cerah adalah berlandaskan kisah silam yang sudah dilupakan. Adik tidak dalam kelengahan dengan baik dalam kehidupan sehingga kegagalan dan kekecewaan putus cinta dapat dilupakan sepenuhnya.

Namun, jika masih mahu mempertahankan perhubungan ini, adik perlu bersiap sedia menerima sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Dr harap, adik akan membuat satu keputusan yang akan membahagiakan adik sebagai seorang insan yang pernah menempuh detik-detik pahit dalam kehidupan.